

KUALA LUMPUR, 24 MEI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN HARI INI KEDUDUKAN PARA PEGAWAI KONTREK DAN PEGAWAI TIDAK TETAP YANG TELAH +TERCICIR+ DARI LAPORAN JAWATANKUASA GAJI KABINET AKAN DITENTUKAN SELEPAS TANGGAGAJI BARU ITU DILAKSANAKAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN KES PEGAWAI-PEGAWAI TERSEBUT AKAN DIKAJI DENGAN TELITI UNTUK MEMPASTIKAN MEREKA DIBERI TANGGAGAJI YANG ADIL.

DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI JAWATANKUASA GAJI KABINET ITU MENYATAKAN DEMIKIAN SELEPAS MELAWAT SEKOLAH KEJURUTERAAN KAPAL-TERBANG TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM) DI KINRARA DEKAT SINI.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA LAPORAN GAJI TERSEBUT TIDAK DAPAT MELIPUTI SETIAP JENIS KAKITANGAN KERAJAAN MEMANDANGKAN JUMLAH MEREKA YANG AMAT BESAR IAITU LEBIH SETENGAH JUTA ORANG.

+LAGIPUN KEUPAYAAN JAWATANKUASA ITU ADALAH TERHAD UNTUK UNTUK MEMBOLEHKANNYA MENGAJI SETIAP JENIS KAKITANGAN SECARA DETAIL,+ TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 1401/LK.

EE

B547:

MAHATHIR-GAJI 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU KERAJAAN MASIH LAGI MENGAJI IMPLIKASI DARI SEGI UNDANG-UNDANG TENTANG PEMBENTUKAN SEBUAH BADAN BEBAS UNTUK MENYIASAT ANOMALI-ANOMALI YANG TERDAPAT DALAM LAPORAN GAJI TERSEBUT.

KERAJAAN, TEGASNYA, TERPAKSA MENGAJI PEMBENTUKANNYA DENGAN TELITI BAGI MENENTUKAN KUASA-KUASANYA.

+SEBUAH BADAN YANG BEBAS YANG TIDAK MEMPUNYAI BIDANGKUASA DAN KUASA-KUASA TERTENTU SUDAH PASTI TIDAK AKAN DAPAT MENJALANKAN TUGAS-NYA DENGAN BERKESAN,+ JELAS BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA TELAH MENJAWAN PERTANYAAN-PERTANYAAN TENTANG DAKWAAN PIHAK KESATUAN SEKERJA KONONNYA PIHAK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) TELAH MEMBUAT TAFSIRAN-TAFSIRAN SENDIRI TENTANG LAPORAN GAJI KABINET ITU.

KATANYA, +KITA SUDAH MENGAJI SETENGAH-SETENGAH TUDUHAN KESATUAN SERTA MEMORANDUM YANG TELAH DITERIMA.

+MUNGKIN ADA TUDUHAN YANG BERASAS DAN MUNGKIN ADA YANG TIDAK BERASAS TETAPI YANG PENTING IALAH SEMUA PERKARA INI BOLEH DIRUNDING-KAN DAN DIBETULKAN WALAUPUN PARA PEKERJA TELAH MEMBUAT OPSYEN MEREKA,+ TEGAS BELIAU. -- BERSAMBUNG 1406/LK

MAHATHIR-GAJI 3 KUALA LUMPUR

100

+TIDAK ADA MASALAH DALAM PERKARA INI KERANA JIKA PERKARA-PERKARA ITU TIDAK BETUL IA MASIH BOLEH DIPERBETULKAN,+ BELIAU MEMBERI JAMINAN.

MENGENAI LAWATANNYA, DR. MAHATHIR MENJELASKAN TUJUANNYA ADALAH UNTUK MENGETAHUI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PERTAHANAN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI.

+SEBAGAI ANGGOTA KABINET ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SAYA UNTUK MENGETAHUI KEMAJUAN SERTA MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI,+ TEGASNYA.

SEBELUM ITU, KOMANDAN SEKOLAH TERSEBUT LT. KOL (UDARA) KAMARUDDIN SHARIFF DALAM TAKLIMATNYA MEMBERITAHU TUDM SEDANG Mencari SEBUAH KAWASAN BARU UNTUK MEMINDAHKAN SEKOLAH ITU.

SEKOLAH TERSEBUT YANG KINI TERLETAK DI KAWASAN SELUAS 14 EKAR SUDAH TIDAK Mencukupi BAGI MENAMPUNG PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN SERTA KEPERLUAN LATIHAN TUDM.

DR. MAHATHIR YANG TELAH DISAMBUT OLEH TIMBALAN KETUA TURUS TENTERA UDARA KOMODOR UDARA MOHAMAD NGAH SAID KEMUDIAN MELAWAT SEKOLAH TERSEBUT.

TURUT SAMA IALAH PEMERINTAH MARKAS UDARA KOMODOR UDARA SHAHARUDDIN ALI SERTA PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI TUDM.

DR. MAHATHIR SETIBANYA DI SEKOLAH ITU TELAH MEMERIKSA SATU KAWALAN KEHORMATAN. - BERNAMA 1410/LK